

MINIT MESYUARAT
JAWATANKUASA PANGKALAN DATA KOMERSIL (JKPDK) (1/2010)

TARIKH : **17 MAC 2010 (RABU)**
MASA : **9.00 PG – 12.00 TENGAHARI**
TEMPAT : **BILIK MESYUARAT,
UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA (UIA)**

Hadir:

Nooraini Binti Ismail	UIA	-	Pengerusi
Korina Binti Ibrahim	UNIMAS	-	Naib Pengerusi
Noorhasimah Bin Aris	UIA	-	Setiausaha I
Khairulbahiyah Binti Yaakub	UTM	-	Setiausaha II
Wan Kartini Binti Wan Sulaiman	UPSI		
Yafiza Binti Abdul Halim	UPNM		
Wan Rozaini Bin Wan Ibrahim	MOSTI		
Hairuladzhar Mohd Hamdi	UMK		
Nurul Sazrina Binti Mohd Shukor	MPC		
Asmaniza Binti Mansor	UUM		
Mazmin Mat Akhir	UNIMAP		
Siti Khabshah Binti Masrom	MMU		
Rozana Binti Kamdani	USIM		
Zawawi Bin Tiyunin	UMS		
Faridah Binti Muda	UDM		
Muzaffar Shah Bin Kassim	UPM		
Mohammed Ariff Bin Ahmad	MPOB		
Mohd Khairul Naser Bin Ibrahim	UTHM		
Sukmawati Binti Muhd	USM		
Norbaya Binti Muda	UIA		
Suhaila Binti Marsim	UIA		
Mohd Nizam Bin Mahat	UNITEN		
Ulya Binti Sujak	UM		
Adida Binti Mohd Amin	UM		
Hani Liza Binti Norfin	UiTM		
Norliza Binti Othman	UiTM		
Saniah Binti Hj. Armia	IKIM		
Wan Suhaimi Bin Ariffin	PPUKM		
Abdul Muhaimin Bin Sabron	UKM		

Kata-kata Aluan Pengerusi

Pengerusi mengalu-alukan kehadiran semua ahli JKPDK ke Mesyuarat Bil 1/ 2010 di UIA.

AGENDA

1. Mengesahkan Minit Mesyuarat JKPDK Bil. 3/2009

Mesyuarat mengesahkan Minit Mesyuarat dengan beberapa pembetulan dan perkara berbangkit iaitu :-

1.1 Pembetulan mukasurat 1, Encik Mohd Khairul Naser Ibrahim dari **UTHM** dan bukan UiTM.

1.2 Perkara berbangkit :-

5.3 Surat Pekeliling Perbendaharaan, Kementerian Kewangan

Mesyuarat dimaklumkan oleh Pengerusi bahawa pekeliling baru masih belum dikeluarkan oleh kementerian dan dijangkakan pada akhir Mac 2010.

Tindakan: MAKLUMAN

2.0 Penetapan Judul Langganan PDK – MOHE, 2010

Isu penetapan judul langganan selesai.

SELESAI

3.0 Penyelarasan Pengumpulan Data 'Usage Report'

Pengerusi memaklumkan bahawa Laporan Bengkel JKPDK akan dibentangkan dalam mesyuarat PERPUN pada April ini. Puan Korina (UNIMAS) melaporkan bahawa kemas kini data pada laporan telah dilakukan. Laporan penuh dan resolusi bengkel telah diedarkan kepada semua ahli dalam bentuk CD. Isu selesai.

SELESAI

2. Status Langganan PDK-MOHE 2010

Pengerusi memaklumkan bahawa penetapan peruntukan adalah RM10 juta. En Nordin (Kementerian Pengajian Tinggi) akan cuba memperuntukkan tambahan bajet supaya pembelian dapat dipertingkatkan. Pengerusi sedang merangka kertas kerja khusus bagi projek pembelian buku elektronik untuk Kolej Komuniti di Malaysia.

Tindakan: MAKLUMAN/SEMUA AHLI

3. "Rebranding of JKPDK"

3.1 Pengerusi membentangkan usul ke arah penjenamaan semula JKPDK. Tujuan utama penjenamaan adalah untuk memberi nama dan imej baru agar JKPDK mudah dikenali dan diterima di peringkat antarabangsa. Walau bagaimanapun, hala tuju & objektif JKPDK tetap sama. Terdapat 4 cadangan nama baru iaitu :-

- i)CMUR Lib – Consortium of Malaysian Universities and Research Libraries
- ii)MALISA – Malaysian Academic Libraries & Information System Association
- iii)MOLEC – Malaysian Online E-Resources Consortium
- iv)MULIC – Malaysian University Libraries Consortium

Mesyuarat sebulat suara memilih **MOLEC - Malaysian Online E-Resources Consortium** dengan 20 undian berkuatkuasa serta merta.

3.2 Pengerusi juga memaklumkan bahawa kedudukan MOLEC adalah di bawah PERPUN. Di bawah MOLEC akan ada portfolio lain iaitu :-

- i) Collaboration & Resource Sharing
- ii)Consortia under MOHE
- iii)Online Resources Buying Club
- iv)Training & Workshop
- v) MyUlis

3.3 Pengerusi juga mengusulkan cadangan bagi penggiliran untuk jawatan Pengerusi MOLEC setiap 3 atau 5 tahun sekali. Undian telah dibuat dan keputusannya adalah seperti berikut :-

- i) Penggiliran setiap 3 tahun – 13 undian
- ii)Penggiliran setiap 5 tahun – 12 undian

Keputusan undian menetapkan penggiliran jawatan Pengerusi akan dibuat setiap 3 tahun. Jawatan ini akan dibuka kepada semua Ketua Pustakawan IPTA dalam MOLEC. Mesyuarat juga menetapkan bahawa MOLEC adalah platform untuk membincangkan isu pangkalan data dan bukan jurnal bercetak.

Tindakan: MAKLUMAN/SEMUA AHLI

4. Penyertaan Ahli-Ahli Dari Perpustakaan Khusus Dalam Mesyuarat JKPDK

Mesyuarat membincangkan tentang penyertaan ahli dari perpustakaan khusus. Puan Noorhashimah Aris meminta pandangan serta persetujuan dari wakil perpustakaan khusus tentang kedudukan keahlian mereka dalam MOLEC. Saudara Mohammed Ariff Ahmad dari MPOB memaklumkan bahawa akan wujud satu jalinan perkongsian sumber di antara perpustakaan penyelidikan seperti MARDI, Petronas, MPOB. Namun perkara ini masih di peringkat perbincangan. Wakil dari Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) , MARDI dan IKIM mengesahkan keahlian mereka dengan MOLEC kerana ingin berkongsi makluman terkini perkembangan pangkalan data. Pengerusi mencadangkan agar satu makluman dikeluarkan kepada semua perpustakaan penyelidikan untuk mengesahkan status keahlian mereka dengan MOLEC.

Tindakan: SETIAUSAHA

5. **Bengkel "Usage Report" 2010**

5.1 Puan Mazmin (UNIMAP) memaklumkan mesyuarat bahawa UNIMAP akan menganjurkan Seminar Kebangsaan Sumber Elektronik di Malaysia dengan kerjasama PPM. Seminar ini akan menggabungkan topik penggunaan pangkalan data, perkhidmatan dalam perpustakaan serta Institutional Repository. Beliau mencadangkan MOLEC untuk bekerjasama di dalam menjayakan seminar ini dan menggabungkan Bengkel 'Usage Report' pada masa yang sama. Maklumat Seminar adalah seperti di bawah :-

Tarikh : 21-23 Disember 2010

Tempat : City Bay View, Pulau Pinang

Sasaran : 150 peserta yang terdiri dari pustakawan, penerbit, ahli akademik

Cadangan Yuran Pendaftaran : RM500.00

Sesi :

- i) Model Langganan dan Perolehan Secara Konsortium : Amalan Terbaik
- ii) Langit Terbuka (Open Accsess) & Pembangunan Sumber Elektronik : Amalan Terbaik
- iii) Sumber Elektronik Dalam Pendidikan Pengguna
- iv) Pengukuran Prestasi Sumber Elektronik
- v) Amalan Terbaik Perkhidmatan Elektronik di Perpustakaan Akademik

Tindakan: MAKLUMAN/UNIMAP

5.2 Mesyuarat bersetuju untuk bergabung di dalam menjayakan seminar berkenaan dengan melantik 5 ahli dalam MOLEC untuk membantu UNIMAP dalam aspek penajaan. Ahli yang bersetuju adalah :-

- i)Puan Korina Ibrahim (UNIMAS)
- ii) Puan Noorhashimah Aris (UIA)
- iii)Puan Ulya Sujak (UM)
- iv)Puan Siti Khabshah Masrom (MMU)
- v)Hairuladzhar Mohd Hamdi (UMK)

Tindakan: MAKLUMAN/AJK YANG DILANTIK

5.3 Mesyuarat juga sebulat suara bersetuju agar Bengkel 'Usage Report' dan Mesyuarat MOLEC diadakan pada 23/12/2010 di USM seperti yang dicadangkan oleh Puan Mazmin (UNIMAP). Universiti Malaysia Terengganu yang sebelum ini dicadangkan sebagai tuan rumah bengkel akan menjadi pengajur mesyuarat MOLEC yang akan datang. Laporan keberkesanan penggunaan pangkalan data akan disediakan oleh institusi seperti di bawah :-

IEEE – UNITEN & UPM

Proquest Digital Dissertation – UPSI

Ebsco – UM

Emerald – UiTM

Science Direct – USM & UTM

Springer Link – UMS

ACM – UNIMAS & MMU
Scopus – UIA

Mesyuarat memutuskan hanya laporan keberkesanan kos pangkalan data di bawah langganan MOHE sahaja yang akan dibentangkan iaitu IEEE, Proquest Digital Dissertation dan Ebsco. Wakil UNITEN, Saudara Mohd Nizam Mahat menawarkan diri untuk membentangkan laporan tersebut pada seminar yang akan dianjurkan. Walau bagaimanapun, laporan pangkalan data lain perlu dianalisa dan didokumenkan seperti mana biasa.

Tindakan: MAKLUMAN/SEMUA AHLI

5.4 Puan Korina juga membentangkan rumusan Bengkel Pangkalan Data Komersil yang diadakan di UNIMAS, Sarawak pada 3-5 Disember 2009. Rumusan yang dibuat adalah :-

- i) Penyelarasian pengumpulan data bagi pangkalan data yang dianalisa. Pastikan penggunaan diambil dari segi ‘session’, ‘searches’ dan ‘fulltext download’.
- ii) Harga langganan berbeza-beza di antara institusi. Ia menyukarkan perbandingan keberkesanan kepenggunaan.
- iii) Dalam penentuan FTE, perlu ada formula standard yang boleh digunakan oleh semua institusi.
- iv) Garis panduan untuk penetapan kriteria bagi keberkesanan penggunaan dan penilaian pembekal perlu ada bagi memudahkan proses penganalisaan.
- v) Pengaruh faktor sampingan yang perlu diambil kira dalam proses penganalisaan seperti keupayaan rangkaian, faktor institusi, kemahiran pengguna, keberkesanan capaian & sumber lain yang boleh memenuhi keperluan pengguna.

Secara keseluruhannya, Puan Korina berpendapat perlu ada perbincangan dan penambahbaikkan pada garis panduan sedia ada. Mesyuarat memutuskan bahawa Pn Korina akan bekerjasama dengan Saudara Shamsudin Ibrahim (UKM) untuk memantapkan garis panduan sedia ada.

Tindakan: MAKLUMAN/UNIMAS/UKM

6. Status Pemilihan dan Penyenaraian judul-judul Net-Library

Pengerusi memaklumkan bahawa pemilihan dan penyenaraian judul akan mengambil masa kerana Enche tiada pendekatan yang boleh memudahkan pemilihan. Ada juga diantara IPTA yang menghantar judul lebih daripada yang disyaratkan iaitu 300 judul. Pemilihan perlu juga melihat keutamaan bidang yang ditawarkan oleh sesebuah IPTA. Pengerusi mencadangkan hanya senarai buku ‘red spot’ sahaja yang dipilih. Puan Ulya (UM) mencadangkan pemilihan dibuat berdasarkan peratusan subjek yang ditawarkan oleh IPTA. Puan Noorhashimah memaklumkan bahawa satu perjumpaan khas akan dibuat bersama pembekal Enche untuk menyelesaikan masalah ini. Tarikh perjumpaan akan dijemel pada semua dalam masa terdekat.

Tindakan: MAKLUMAN/SEMUA AHLI

7. Hal-Hal Lain

7.1 Langganan Blis

Memandangkan Blis bukan lagi di bawah langganan MOHE, setiap IPTA boleh berurusan sendiri dengan Bernama. Walau bagaimanapun, ia boleh dilanggan di bawah platform konsortium.

Tindakan: MAKLUMAN/SEMUA IPTA

8. Penangguhan Mesyuarat

Pengerusi menutup mesyuarat dengan ucapan terima kasih kepada semua ahli yang hadir, dan ditangguhkan pada jam 12.00 tengahari.

Disediakan oleh :

Khairulbahiyah Yaakub

Pustakawan

Universiti Teknologi Malaysia